

02 DEC 1999

KEBOLEHAN RAKYAT MALAYSIA BOLEH DIPERKENALKAN

LANGKAWI 2 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kebolehan rakyat Malaysia menghasilkan karya-karya bermutu tinggi perlu diperkenalkan dengan lebih meluas.

"Adalah elok usaha memajukan karya artis itu dibuat memandangkan tahun 2000 akan disambut tidak berapa lama lagi," katanya pada pelancaran Pameran Amal Lukisan Aspirasi 2000 di sini, hari ini.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi junid.

Dr Mahathir berkata beliau berharap buku album lukisan yang dilancarkan di majlis tersebut akan mendapat sambutan baik di samping lelongan lukisan yang dibuat dapat mengumpul wang untuk tabung Badan Amal Kebajikan Isteri-isteri dan Ahli Dewan Negeri Kedah (BIDARA)

Perdana Menteri turut mengucapkan syabas kepada BIDARA kerana mengambil daya usaha mengadakan program tersebut.

Di majlis itu, Bidara turut menerima sumbangan Kerajaan Kedah berjumlah RM23,000 dan RM30,000 daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Pada majlis yang sama, sebanyak RM191,000 berjaya dikutip hasil lelongan enam buah lukisan.

-- BERNAMA

ZI NH zb